



**Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)**  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)

## LAPORAN PROGRAM

### **PROGRAM SEMAKAN ARAH KIBLAT SEMPENA FENOMENA ISTIWA' ADZAM**

**Tarikh/Hari :** 15 Julai 2020/ Rabu  
**Tempat :** Masjid Al-Hidayah, Bandar Behrang 2020, Perak  
**Penglibatan :** Pengurus-pengerusi Masjid Daerah Muallim, kakitangan INSTUN dan komuniti setempat.

#### **Ringkasan Program**

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dengan kerjasama Masjid Al-Hidayah, Bandar Behrang 2020 telah mengadakan semakan arah kiblat sempena peristiwa fenomena Istiwa' Adzam pada 15 Julai 2020 bersamaan 23 Zulkaedah 1441 bertempat di masjid tersebut. Seramai 50 orang hadir menjayakan program ini yang terdiri daripada Pengurus dan Jawatankuasa Masjid-Masjid sekitar Daerah Muallim dan komuniti setempat. Turut hadir pada program ini ialah Pengarah INSTUN, Puan Norehan binti Omar. Dihadiri juga, Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan, INSTUN Sr Ahmad Azmi bin Hashim. Oleh kerana pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), program ini dijalankan sepenuhnya mematuhi *Standard of Procedure* (SOP) dari semasa ke semasa.

Sebelum sesi semakan arah kiblat iaitu pada jam 5.28 petang, pihak INSTUN dan Jawatankuasa Masjid Al-Hidayah telah mengadakan beberapa pengisian program kepada yang hadir pada program ini. Antaranya:-

- Sesi taklimat Ilmu Falak & Astronomi

Pada sesi ini, taklimat dalam bidang ilmu Falak dan Astronomi telah disampaikan oleh tenaga pengajar dalam INSTUN. Taklimat mengenai teori dan perkembangan Ilmu Falak dan Astronomi telah disampaikan oleh, En. Mahruzaman bin Misran. Seterusnya, sesi perkongsian ilmu mengenai teori arah kiblat dan penerangan mengenai latih amal arah kiblat telah disampaikan oleh En. Fazili Anuar bin Md. Yusuf.

- Solat asar berjemaah

Para jemputan yang hadir telah menunaikan solat asar secara berjemaah yang diketuai oleh Imam Masjid Al-Hidayah.

Pada jam 5.28 petang waktu tempatan, semakan arah kiblat mula dilakukan. Semakan ini dilakukan menggunakan tiang tegak. Bayang yang ditunjukkan oleh tiang tegak berkenaan, adalah bersamaan dengan arah kiblat. Oleh kerana matahari berada di langit barat, bayang tiang akan jatuh ke arah timur, maka arah kiblat ialah arah yang bertentangan.

Sedikit maklumat, Istiwa' Adzam adalah suatu fenomena di mana kedudukan Matahari akan berada tepat di atas Kaabah. Fenomena ini akan berlaku dua kali setahun iaitu pada:-

- 28 Mei pada jam 5.16 petang waktu tempatan dan
- 16 Julai pada jam 5.28 petang waktu tempatan.

Namun demikian, jika pada tahun lompat/genap seperti pada tahun ini, maka tarikh bagi Istiwa' Adzam akan berlaku sehari lebih awal iaitu pada: -

- 27 Mei 5.16 petang waktu tempatan.
- 15 Julai 5.28 petang waktu tempatan.

Oleh yang demikian, dengan kerjasama Masjid Al-Hidayah, Bandar Behrang 2020 ini, maka program ini berjaya dilaksanakan. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini.

Disediakan oleh:

**Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP)**  
**Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)**

## GAMBAR-GAMBAR SEPANJANG PROGRAM



## POSTER PROGRAM



**PROGRAM  
SEMAKAN ARAH KIBLAT  
SEMPENA FENOMENA  
ISTIWA' ADZAM**

**LOKASI**  
**MASJID AL-HIDAYAH BEHRANG 2020**

**MASA**  
**15 JULAI 2020 / 23 ZULQADEAH 1441H**

**TENTATIF PROGRAM**

2.00PM: PENDAFTARAN  
2.30PM: TAKLIMAT ILMU FALAK  
: TEORI ARAH KIBLAT  
4.47PM: SOLAT ASAR  
5.00PM: TAKLIMAT ISTIWA' ADZAM  
5.15PM : PERSIAPAN PERISTIWA ISTIWA' ADZAM  
5.28PM: PERISTIWA ISTIWA' ADZAM  
6.00PM: PENYAMPAIAN SIJIL

\*\* NOTA: PROGRAM DILAKUKAN SECARA TERTUTUP DAN HANYA TERBUKA KEPADA AJK MASJID DI SEKITAR MUALLIM SAHAJA BERIKUTAN MEMATUHI SOP BAGI SATU PENGANJURAN MAJLIS/SEMINAR

**INSTUN** **KERJASAMA** **INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA** & **MASJID AL-HIDAYAH BANDAR BEHRANG 2020** **Masjid Al-Hidayah BB 2020**